

Rombongan 68 penjawat awam ke Berlin dibatal

PM arah semua misi lawatan ke luar negara dirujuk KSU, Ketua Pengarah serta dilulus menteri

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Puchong: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau membatalkan rombongan 68 penjawat awam daripada menghadiri sebuah pameran kecil di Berlin, Jerman, kerana membabitkan jumlah peserta yang ramai bagi mengelak pembaziran wang rakyat.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, semua lawatan dan tugas projek ke luar negara babitkan penjawat awam kementerian, agensi serta syarikat berkaitan kerajaan kini perlu dirujuk kepada Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah serta mesti mendapat kelulusan menteri bertanggungjawab secara langsung.

Katanya, tindakan itu adalah sebahagian tindakan transformasi yang perlu dilakukan terhadap kementerian, agensi serta jabatan kerajaan hari ini.

"Transformasi dalam jabatan kerajaan, syarikat kerajaan dan agensi mesti berterusan. Dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada Rabu lalu, kita mengambil ke-

putusan tegas untuk semua syarikat dan agensi kerajaan.

"Walaupun lembaga (pengurusan) berkuasa, tetapi kadang-kala keputusan itu memihak kepada mereka. Oleh itu, semua projek baharu, lawatan ke luar negara mesti dirujuk kepada Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah dan diluluskan menteri berkenaan, supaya yang ada akhirnya bertanggungjawab secara langsung.

"Keterlanjuran ini umpamanya ada pesta pameran kecil di Berlin, tetapi saya lihat dari kakitangan kementerian dan agensi berkenaan, seramai 68 yang mendaftar yang pergi.

"Walaupun tiket hotel dan penerbangan disediakan, saya batalan, kerana jumlah yang didaftarkan terlalu ramai. Hanya sebahagian kecil mungkin diperlukan untuk tugas tersebut. Ini adalah pelanggaran peraturan. Ini dana rakyat dan kita

harus tanggungjawab," katanya selepas selesai menunaikan solat Jumaat bersama kariah Masjid Darussalam Puchong, di sini semalam.

Mengulas lanjut pembatalan perjalanan 68 penjawat awam itu, Anwar berkata, beliau bertegas kerana rombongan ke luar negara adalah membabitkan duit rakyat.

"Pembatalan melalui keputusan tegas ini akan menjadi mesej yang jelas (iaitu) menteri mesti membentangkan kepada Jemaah Menteri dan biasanya kita akan membuat pemotongan kakitangan (rombongan), jika tak perlu atau tangguh untuk menjimatkan belanja," katanya.

Tambah Anwar, dalam mesyuarat bersama Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) dan Ketua Setiausaha Kementerian semalam, turut menzahirkan ketegasan yang sama.

Kutuk serangan alat kelui di Lubnan

Puchong: Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya serangan terkoordinasi membabitkan penggunaan peranti telekomunikasi mudah alih atau alat kelui oleh Israel, yang mengorbankan kira-kira sembilan nyawa, termasuk seorang kanak-kanak di Lubnan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyifatkan serangan itu sebagai tindakan yang tidak berperikemanusiaan.

"Kementerian Luar sudah mengeluarkan kenyataan mengutuk serangan biadap Israel. (Serangan) ini bermakna ia akan memberi kesan kepada seluruh rakyat yang memakai (alat kelui). Ia tidak berperikemanusiaan kerana mereka bukanlah pasukan tentera, sebaliknya wanita dan anak-anak. Sebab itu kita bantah," katanya.



Anwar beramah mesra dengan jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Darussalam, Kampung Batu 14, Puchong, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

"Majoriti penjawat awam memahami dan menyokong. Pelanggaran sebegini tidak boleh diizinkan," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri menyindir pemimpin pembangkang yang tidak memberi reaksi terhadap pengukuhan Ringgit Malaysia (RM).

Anwar berkata, perkara sebaliknya berlaku sekiranya nilai mata wang tempatan merosot atau ditutup di paras rendah.

"Alhamdulillah (RM) lebih baik walaupun kadang-kadang rakan sebelah sana (pembangkang) tak nampak, tetapi kalau ringgit jatuh, dia hentam dan caci berterusan. Oleh itu, bila ringgit kita kuat, kita katalah Alhamdulillah! katanya.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri menafikan polis menutup siasatan kes seorang pemandu e-hailing

Orang Kurang Upaya (OKU) yang didakwa dipukul pengiring kenamaan.

Beliau berkata, orang ramai perlu memberi ruang kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan yang mungkin akan mengambil sedikit masa.

"Siapa kata kes tutup? Kes ini memang jadi perhatian, saya juga secara peribadi ambil berat mengenainya, termasuk hal lain yang melibatkan orang biasa. Biarkan polis siasat, berpuas hati dengan siasatan, baru kita ambil tindakan, jangan kita hukum berdasarkan persepsi dan khabar angin.

"Kita sebuah negara yang mengamalkan hukum, segala tindakan mesti berlandaskan fakta, bukti yang jelas. Setelah selesai polis siasat, kes akan diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara untuk putuskan mana-mana pihak didakwa atau tidak, dan ini semuanya mesti berdasarkan fakta," katanya.